

Headline	Jemaah haji dinasihat jaga kesihatan ketika wukuf		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Sep 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	19	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	168 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,038
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,114



## Jemaah haji dinasihat jaga kesihatan ketika wukuf

**Makkah:** Semua 22,320 jemaah haji Malaysia dinasihat menjaga kesihatan diri ketika melakukan wukuf di Arafah, bermalam di Muzdalifah, Mina dan melontar Jamrat yang bermula pada Ahad ini.

Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim, berkata kebiasaannya pada masa melakukan kemuncak haji selama enam hari itu, banyak kes direkodkan membabitkan masalah kesihatan dan kematian.

"Saya nasihatkan jangan terlalu mendera diri (untuk melakukan ibadat) kerana pada masa wukuf nanti dilaporkan cuaca begitu panas dan suhu dijangka mencecah 50 darjah celsius.

"Kepada jemaah haji, saya nasihatkan juga makan ubat dan minum air yang banyak ketika di sana. Lazimnya ada jemaah yang terlupa untuk makan ubat dan ini yang menyebabkan timbul masalah kesihatan nanti," katanya kepada pemberita selepas bertemu jemaah haji Malaysia di Hotel Rehab Al Janadriyah di sini, semalam.

Selain bertemu jemaah, Abdul Azeez turut bertemu balu jemaah yang meninggal dunia di Madinah dan Makkah baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ketua Rombongan Haji, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman dan

isteri Abdul Azeez, Datin Seri Khadijah Mohd Noor.

**Cuaca panas boleh undang strok haba**  
Abdul Azeez berkata, keadaan cuaca yang panas boleh menyebabkan berlaku strok haba.

Sehubungan itu, beliau mahu jemaah haji mengikut segala arahan serta garis panduan yang ditetapkan.

"Doktor dan semua petugas yang lain sudah bersiap sedia untuk bertugas menjaga keperluan jemaah haji dan saya berharap juga jemaah akan menjaga kebersihan diri di khemah-khemah nanti," katanya.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Arab Saudi yang menitikberatkan soal keselamatan jemaah haji bagi mengelakkan insiden tidak diingini.

"Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak muassasah dengan kerjasama yang diberikan dan semoga hubungan antara Malaysia dan Arab Saudi terus terjalin erat," katanya.

Sehingga semalam, seramai 21,469 jemaah haji negara sudah berada di sini dan lima kematian direkodkan iaitu seorang di tanah air, masing-masing dua di Madinah dan Makkah.

**BERNAMA**